

# Terengganu gah ke separuh akhir

Oleh Mohd Firdaus Hashim  
firdaushashim@hmetro.com.my

**Kangar:** Terengganu berada di landasan tepat untuk mempertahankan emas acara hoki SUKMA yang di menangi dua tahun lalu di Kuantan apabila muncul pasukan pertama layak ke separuh akhir selepas menundukkan Johor 3-2 dalam aksi Kumpulan A di Kompleks Sukan Negeri, semalam.

Kemenangan itu membolehkan Terengganu mengumpul 10 mata dan gah menduduki tangga teratas kumpulan.

Namun, di sebalik kemenangan itu, ketua jurulatih Terengganu Nik Rozemi Mohd Noor melahirkan rasa tidak puas hatinya terhadap jadual perlawanan yang disifatkannya tidak adil.

"Kami tidak langsung diberi sebarang kelebihan selaku juara bertahan. Pemain saya dipaksa bermain di bawah panas terik dalam empat perlawanan berturut-turut. Begitu juga perlawanan terakhir menentang Pahang esok (hari ini) apabila kami diarah bermain

jam tiga petang.

"Sepatutnya berilah kami bermain pada waktu pagi sekurang-kurangnya satu perlawanan. Cuaca panas seperti ini boleh mengganggu permainan kami. Walaupun kepenatan, saya tetap bangga dengan semangat juang tinggi yang dipamerkan pemain," katanya sejurus tamat perlawanan.

Nik Rozemi berkata, pasukannya kini sudah ber-

sedia aksi separuh akhir pada Selasa, sekali gus mahu melangkah ke final SUKMA kali kedua berturut-turut.

"Pasukan beraksi dengan baik selain menerima arahan dengan bagus dan harapan untuk ke separuh akhir berjaya dicapai.

"Tumpuan kami kini separuh akhir, kalau boleh mahu berjumpa Perak di final dan menewaskan mereka," katanya.

FOTO: EIZAIRI SHAMSUDIN



- METRO - 29/5/14